

Penularan COVID-19 (14 Julai 2021, Berita Harian, page 4)

PKPD di KL, Selangor wajar dilanjutkan

Saranan berikutan kadar jangkitan masih tinggi sejak dua minggu lalu

Oleh Mahani Ishak dan Mohd Zaky Zainuddin
bhnews@bharian.com.my

Kuala Lumpur: Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Selangor dan Kuala Lumpur yang akan tamat Sabtu ini, wajar dilanjutkan berikutan kadar jangkitan masih tinggi sejak dua minggu lalu.

Pakar kesihatan awam dan sosial berpendapat, PKPD di dua negeri itu perlu diteruskan sekurang-kurangnya dua minggu lagi melihat kepada situasi semasa kerana masih merekodkan kematian tinggi selain ramai pesakit COVID-19 dalam keadaan kritikal.

Pensyarah Perubatan Kesihatan Awam, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Halimatus Sakdiah Minhat, berpendapat PKPD di Selangor dan Kuala Lumpur perlu dilakukan dengan lebih tersasar, supaya

sektor ekonomi di kawasan yang kes jangkitan COVID-19 kurang dapat beroperasi kembali.

"PKPD seharusnya dilaksanakan dengan ketat dengan penghuni lokaliti itu tidak dibenarkan keluar sesuka hati dan hanya membabitkan kawasan yang sudah dikenal pasti menyumbang kepada kes COVID-19 baharu yang tinggi," katanya ketika ditanya mengenai kewajaran PKPD di Selangor dan Kuala Lumpur dilanjutkan atau ditamatkan.

Halimatus Sakdiah berkata, pihak berwajib pula perlu melaksanakan pembendungan industri iaitu menyekat pergerakan keluar masuk daripada premis terutamanya kilang yang mencetuskan penularan tinggi supaya menyediakan tempat tinggal dan bekalan makanan untuk pekerjaanya.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam UPM, Profesor Madya Dr Malina Osman berpendapat, PKPD di Selangor dan Kuala Lumpur perlu dilanjutkan sekurang-kurangnya dua minggu lagi.

"Kes harian terutama di Selangor masih tinggi begitu juga dengan pesakit yang sedang dirawat dan yang menunggu keputusan saringan dan penilaian di Pusat Penilaian COVID-19 (CAC), jadi PKPD memang wajar



Penghuni PPR Kampung Baru Air Panas, Setapak yang dikenakan PKPD mengambil barangan yang dibeli secara online.
(Foto Fariz Iswadi Ismail).

dilanjutkan.

"Namun begitu, berdasarkan angka mereka yang divaksin yang semakin tinggi, saya juga menjangkakan lebih banyak sektor yang bakal dibenarkan beroperasi terutamanya sektor yang sudah lengkap menerima vaksin masing-masing," katanya.

Sementara itu, Ketua Program Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr Muhamad Nadzri Mohamed Noor, menyarankan PKPD itu dilakukan mengikut daerah atau mukim berbanding membabitkan keseluruhan negeri.

"Pihak berwajib sewajarnya cakna dalam memperbaiki kelemahan, berbandingkan kajian dan laporan setiap keputusan diambil itu.

Situasi 'tutup buka ekonomi' tidak memberikan hasil positif dan satu-satunya cara adalah membasmi kluster yang menjadi



Dr Malina Osman



Muhamad Nadzri Mohamed Noor

punca misalnya kilang atau tempat kerja dan lokaliti yang rendah kes dibenarkan dibuka, kerana masyarakat perlu bersosial atau menjalankan aktiviti ekonomi.

"Dalam pada itu, beliau berkata, kadar vaksinasi di Selangor perlu dipertingkatkan berikutan ia menyumbang sektor terbesar negara, selain berbanding isu koordinasi lemah perlu diatasi supaya perang menentang COVID-19 itu berjaya, dengan SOP jelas dan seragam," katanya.

Sementara itu, Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohamad Fazli Sabri, berkata meskipun lang-

kah berkenaan terpaksa dilaksanakan, ia sudah pasti memberi kesan kepada pemulihan ekonomi negara memandangkan Selangor dan Kuala Lumpur menyumbang sekitar 40 peratus ke-

pada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

"PKPD di Selangor dan Kuala Lumpur wajar dilanjutkan selepas mengambil kira peningkatan kes harian di Selangor dan Kuala Lumpur. Jika ia tidak dilanjutkan, dibimbangi kes melonjak dengan lebih ketara," katanya.

Ketua Unit Penyelidikan Risiko Ekonomi dan Politik Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin turut menjangkakan PKPD di Selangor dan Kuala Lumpur akan dilanjutkan, namun berharap kerajaan akan mengubah strategi dan dikaji semula untuk mengurangkan impaknya kepada rakyat dan ekonomi.

"Selangor menjadi antara penyumbang terbesar kepada ekonomi negara, namun, fokus ketika ini adalah ekonomi rakyat. Perlu pastikan dalam keadaan PKPD diteruskan, rakyat ada makanan dan wang perbelanjaan harian mencukupi dan keadaan kesihatan mental mereka juga dijaga.

"Saya berpandangan, ekonomi tidak akan memulih dengan pantas selepas PKPD ditamatkan. Jika PKPD ini berpanjangan, mungkin ada peniaga dan industri yang terus lingkup dan tidak dapat bangun semula," katanya.